

RESTORAN PADANG DALAM USAHA UNTUK MENINGKATKAN  
JUALAN DAN MENARIK LEBIH RAMAI PELANGGAN

OLEH

ROSEZIAH HJ. AHMAD (81573425)

AZIZAH ABD. AZIZ (82537564)

ROHANA EMBI (82354277)

SALMI MANJA KAMARUDIN (82554473)

SITI HANOM SUHIR (82141054)

NOREATA MOHD. YUSOFF (82572092)

LAPORAN PROJEKINI AKAN DIHANTAR KEPADA KAJIAN  
PERNIAGAAN DAN PENGURUSAN SEBAGAI SALAH SATU  
SYARAT UNTUK MEMPEROLEHI  
DIPLOMA PENGAJIAN PERNIAGAAN

INSTITUT TEKNOLOGI MARA

SHAH ALAM

MEI 1985

KANDUNGAN

MUKA SURAT

PENGHARGAAN	(i)
SENARAI JADUAL	(ii)
SENARAI CARTA	(iii)

<u>BAB 1</u>	<u>PENGENALAN</u>	
1.1	Latarbelakang projek	1
1.2	Penyata Masalah	3
1.3	Objektif Kajian	10
1.4	Hipotesis	11
1.5	Andaian	12
1.6	Definasi Istilah	13
1.7	Bidang Pengkajian	14
1.8	Batasan Pengkajian	15
<u>BAB 2</u>	<u>PENGKAJIAN BAHAN</u>	16
<u>BAB 3</u>	<u>KAEDAH</u>	
3.1	Kaedah Persampelan	18
3.2	Saiz Sampel	19
3.3	Tarikh Kerja Luar	19
3.4	Komposisi Sampel	20
3.5	Metodologi	22
3.5.1	Data Utama	22
3.5.2	Data Sekunder	23

<u>BAB</u>	<u>4</u>	<u>ANALISA KEPUTUSAN DAN INTERPRETASI</u>	
4.1	Hipotesis 1	25	
4.2	Hipotesis 2	28	
4.3	Hipotesis 3	30	
4.4	Hipotesis 4	32	
4.5	Hipotesis 5	34	
4.6	Hipotesis 6	36	
4.7	Hipotesis 7	38	
<u>BAB</u>	<u>5</u>	<u>LAIN-LAIN PENEMUAN PENGKAJIAN</u>	40
<u>BAB</u>	<u>6</u>	<u>KESIMPULAN</u>	46
<u>BAB</u>	<u>7</u>	<u>CADANGAN</u>	48
BILIOGRAFI			
LAMPIRAN			

PENGHARGAAN

Penyelidik ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka-mereka yang telah melibatkan diri dalam memberikan kerjasama sepenuhnya, memberi pandangan dan juga nasihat-nasihat dalam membantu kami menjalankan penyelidikan ini.

Ucapan penghargaan kami tujukan terutama sekali kepada Encik Mohammad Naim bin Ahmad selaku penasihat kami, di mana beliau banyak memberikan nasihat-nasihat dan juga bimbingan yang membina untuk menjayakan penyelidikan ini. Selain daripada itu kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada:

(a) Puan Faizah Rahim

Pensyarah Business Research

Kajian Perniagaan dan Pengurusan

Institut Teknologi MARA

Shah Alam

Selangor.

(b) Cik Yuhanis dan Cik Puspawati

Co-Advisor

Kajian Sains Matematik dan Komputer

Institut Teknologi MARA

Shah Alam

Selangor.

### 1.1 Latarbelakang Pengkajian

Sebab utama yang mendorong penyelidik untuk menjalankan kajian mengenai "Restoran Padang dalam usaha untuk meningkatkan jualan dan menarik lebih ramai pelanggan", ialah kerana keinginan penyelidik untuk meneliti masalah-masalah dan prospek yang dihadapi oleh Restoran Padang. Di samping itu juga mencuba sedaya upaya untuk mencari resolusi dan mengemukakan cadangan-cadangan dengan harapan supaya Restoran Padang dapat memperbaiki kelemahan-kelemahan yang ujud setakat ini.

Restoran Padang kepunyaan Encik Dashir bin Jamaah ini terletak di Tingkat Dua, Komplek Pertama, Jalan Tuanku Abdul Rahman, Kuala Lumpur. Restoran ini terbahagi kepada 3 lot, iaitu dua ruang makan manakala di bahagian tengah-tengahnya adalah untuk ruangan dapur. Ketiga-tiga lot ini disewa daripada orang perseorangan yang berasingan. Purata sewa untuk ketiga-tiga lot itu adalah lebih kurang \$3,000.00 sebulan.

Sebelum membuka Restoran Padang ini, Encik Dashir telah mempunyai enam tahun pengalaman sebagai penjual gerai nasi di Jalan Chow Kit, Kuala Lumpur, sejak tahun 1969. Menyedari akan kurangnya penyertaan kaum bumiputera di dalam bidang perniagaan, beliau telah memutuskan untuk bermiaga secara lebih serius lagi. Dengan modal sebanyak \$15,000.00 dan galakan dari kaum keluarga serta pengalaman yang ada, beliau telah berjaya membuka Restoran Padang pada tahun 1975.